

**TUNTUTAN NO. TTPM-SAB-(B)-219-2024 DI KOTA KINABALU DI NEGERI SABAH**  
**Pihak Yang Menuntut (“PYM”) : SALMA BINTI ALI**  
**Pihak Penentang (“PP”) : FAZLI BIN ABDUL FIDAH**

---

## **NOTA PROSIDING**

### Ringkasan Fakta Utama

Pada 10<sup>hb</sup> Januari 2024, PYM telah menghubungi PP mengenai pembelian kenderaan terpakai jenis PEUGOT 308 TURBO 1.6 dengan nombor pendaftaran kenderaan JSR 2555 (dirujuk sebagai “Kenderaan tersebut”) berharga RM11,800.00 (harga dikurangkan ke RM11,300.00) yang telah diiklankan oleh PP melalui laman *Facebook* dan setelah Kenderaan tersebut diujipandu oleh anak lelaki PYM di dalam kawasan rumah PP, PYM telah membuat bayaran deposit secara atas talian sebanyak RM3,000.00 kepada PP. Baki harga belian Kenderaan tersebut telah diselesaikan secara tunai pada 12<sup>hb</sup> Januari 2024. Namun demikian, pada 13<sup>hb</sup> Januari 2024, PYM telah mengadu kepada PP melalui hantaran pesanan *Whatsapp* bahwa Kenderaan tersebut mengalami kebocoran air dan PP memberi cadangan untuk PYM hantar Kenderaan tersebut ke bengkel Ah Fui di Kolombong untuk pembaikan dan PP dimaklumkan pada 29<sup>hb</sup> Januari 2024 *water pump* telah digantikan. Menurut PYM, Kenderaan tersebut telah keluar masuk bengkel kereta dari 15<sup>hb</sup> Januari 2024 hingga 29<sup>hb</sup> Mac 2024 kerana kerosakan-kerosakan yang dialami oleh Kenderaan tersebut.

Pada 14<sup>hb</sup> September 2024, PYM telah menghubungi PP melalui pesanan *Whatsapp* dan mengadu bahawa beliau terpaksa membuat pembaikan ke atas Kenderaan tersebut.

Kini PYM ingin menuntut gantirugi wang sebanyak RM22,631.50 daripada PP.

### Dapatan Keterangan

Tribunal mengambil kira pernyataan-pernyataan, pesanan whatsapp dan gambar-gambar yang telah difailkan oleh PYM dan PP dan Tribunal mendapati seperti berikut :-

1. Dari salinan pesanan-pesanan *Whatsapp*, didapati bahawa Kenderaan tersebut telah selesai proses tukar nama di Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (“JPJ”) pada 17<sup>hb</sup> Januari 2024 dan pada 16<sup>hb</sup> Februari 2024 PYM telah menghubungi PP melalui *Whatsapp* untuk mendapatkan butir-butir insurans bagi Kenderaan tersebut. Tetapi, tidak ada rekod atau bukti bahawa PYM telah memaklumkan atau bertanya kepada PP mengenai kerosakan-kerosakan selain *water pump* berkenaan Kenderaan tersebut, sehinggalah 14<sup>hb</sup> September 2024;
2. Dari salinan pesanan-pesanan *Whatsapp* di antara PYM dan bengkel kereta EV Edaran Sdn Bhd, bengkel tersebut membuat pemeriksaan ke atas Kenderaan tersebut bermula dari 27<sup>hb</sup> Jun 2024 di mana deposit bengkel berkemungkinan dibayar selepas 1<sup>hb</sup> Julai 2024.
3. Selain daripada “Inspection Report” (Laporan Pemeriksaan) oleh Carsome yang difailkan oleh PP, tidak ada laporan-laporan pemeriksaan lain difailkan ke Tribunal ini termasuklah laporan pemeriksaan Puspakom yang biasanya dibuat semasa proses penukaran hakmilik kenderaan yang menyatakan keadaan Kenderaan tersebut.

## Keputusan dan Sebab Keputusan

Dalam kes ini, Tribunal mendapati terdapat jangkamasa selama 4 bulan dari masa PYM membuat aduan pertama dan aduan seterusnya. Malah aduan pertama mengenai kebocoran air juga telah diperbaiki. PYM tidak memberikan apa-apa bukti lanjut untuk menunjukkan kerosakan berkaitan secara lansung dengan pembelian kereta pada Januari 2024 dan ini menimbulkan kebarangkalian bahawa Kenderaan tersebut mungkin rosak disebabkan faktor-faktor lain dalam tempoh 4 bulan tersebut.

Maka, dengan huraian di atas, Tribunal dengan ini memutuskan untuk menolak tuntutan PYM di bawah Borang 10.

**Salmi Zalinah Binti Abdul Rahim**

*Presiden*

*Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia*

19 Februari, 2025.